

09 APR 2002

UiTM-Kalapathar (Bergambar)

PENDAKI UITM BAWA JALUR GEMILANG 4KM KE GUNUNG KALAPATHAR

SHAH ALAM, 9 April (Bernama) -- Sekumpulan 23 pelajar lelaki dan lima pelajar perempuan Universiti Teknologi Mara (UiTM) serta seorang pensyarah, akan membentangkan bendera Jalur Gemilang sepanjang 4 km di puncak Gunung Kalapathar di Nepal bulan depan.

Bendera itu akan diletakkan supaya membentuk huruf M, di cerunan puncak gunung itu sebagai lambang kepada perkataan-perkataan Malaysia, Mahathir dan Mara.

Pegawai Pusat Sukan UiTM Muhammad Fauzan Hassan yang akan mengetuai ekspedisi itu, memberitahu pemberita bahawa pembentangan bendera negara itu merupakan kemuncak dalam Ekspedisi Mendaki Gunung Kalapathar dan Everest Base Camp.

Beliau berkata ekspedisi sebulan itu akan bermula pada 18 April ini dan para pendakinya sudahpun menjalani latihan selama beberapa bulan di Gunung Korbu, Gunung Tahan dan Kinabalu.

Menurutnya idea pendakian itu dicetuskan oleh Naib Canselor UiTM, Datuk Prof Ibrahim Abu Shah yang mahu supaya kecemerlangan dalam bidang aktiviti luar pelajar UiTM ditingkatkan selaras dengan pencapaian akademik mereka.

Gunung Kalapathar setinggi 5,545 meter dari aras laut, terletak hampir dengan Gunung Everest. Mereka yang ingin mendaki gunung tertinggi di dunia itu perlu melintasi Gunung Kalapathar untuk ke Everest Base Camp.

Suhu di situ adalah sekitar 5 darjah Celcius dan boleh mencapai sehingga paras beku pada waktu malam dan musim salji manakala kelajuan anginnya adalah antara 120 km sejam dan 160 km sejam.

Muhammad Fauzan berkata ekspedisi itu mungkin boleh dijadikan sebagai persediaan awal oleh mereka yang ingin mendaki Gunung Everest pula.

Beliau berkata sambutan yang diterima untuk program itu amat menggalakkan kerana 700 pelajar memohon untuk mengikutinya.

Bagaimanapun pelajar yang terpilih adalah mereka yang terdiri daripada pelajar yang memenuhi pelbagai kriteria termasuk daripada segi ketahanan fizikal dan memperolehi CGPA (Purata Mata Keseluruhan) tidak kurang daripada 2.5 mata.

Dalam satu majlis di UiTM hari ini, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein menerima cek sebanyak RM40,000 daripada kerajaan Perak, RM25,000 daripada Yayasan Pahang, RM10,000 daripada kerajaan Selangor dan RM10,000 daripada DRB-Hicom untuk program ekspedisi itu.

Hishammuddin berkata Kementerian Belia dan Sukan sedia memberi bantuan bagi mencukupkan keperluan kos ekspedisi itu yang dianggarkan RM220,000.

"Kementerian sentiasa memberi sokongan kepada sebarang aktiviti yang boleh mengharumkan nama negara, terutama yang membabitkan belia," katanya.

--BERNAMA

AZH ZS MAI